

Pameran karya seni dan budaya nukilan tokoh besar wajar ditingkatkan

Kuala Lumpur: Penerbitan dan pameran karya seni, sastra serta budaya hasil nukilan tokoh besar wajar ditingkatkan dalam usaha memperkasa bidang itu, sekali gus membangunkan tamadun bangsa yang boleh menjadi rujukan generasi akan datang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu inisiatif tambahan dibuat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Balai Seni Negara, Perpustakaan Negara serta Arkib Negara dalam mempromosi karya berkenaan.

"Sementara kita tahu (subjek) Matematik dan Sains, penguasaan bahasa itu penting, ia satu pengajaran juga dalam usaha

(kerajaan) melonjakkan pertumbuhan ekonomi, kita tak boleh meminggirkan seni, budaya dan sastra.

"Mungkin kita boleh perkenalkan (karya) tokoh besar dalam seni. Kita boleh ambil langkah tambahan, termasuk di Balai Seni Negara dan tempat lain, Perpustakaan Negara dan Arkib Negara.

"Ini (Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri) Tiong (King Sing) boleh fikirkan kerana dia jaga lebih banyak pelancongan. Jadi, saya kena ingatkan pelancongan juga, ada seni, sastra dan budaya. Jadi, minta ucapan Tiong (King Sing) di mana-mana (acara) mesti ada kutip satu bait daripada puisi

Pak Mat Said (Sasterawan Negara, Datuk Seri A Samad Said)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan ketika melancarkan buku *Ismail Zain: Intermediations Selected Writings on Art and Aesthetics* di Balai Seni Negara di sini, semalam.

Yang turut hadir, King Sing serta timbalannya, Khairul Firdaus Akbar Khan.

Naskhah berkenaan mengumpulkan pilihan 33 penulisan beliau dalam tempoh 17 tahun iaitu dari 1972 hingga 1989.

Allahyarham Ismail Zain nama yang tidak asing buat penggiat seni visual tanah air, ialah tokoh seni visual penting dan sudah banyak memberi makna



Anwar menandatangani replika buku Ismail Zain pada Majlis Pelancaran buku *Ismail Zain: Intermediations Selected Writing on Art and Aesthetics* di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Ahmad ukasyah/BH)

serta dimensi dalam dunia seni visual.

Beliau bukan hanya seniman, malah bergiat sebagai pemikir, penulis, kurator dan memainkan

peranan penting dalam membangunkan institusi awam seperti Balai Seni Negara dan Perbadanan Filem Nasional (FINAS).